



Home > Ekonomi > MSM serah zakat RM370,100 kepada Perlis

EKONOMI KORPORAT

MSM serah zakat RM370,100 kepada Perlis

By Wartawan MalaysiaGazette · 7 Mei 2017 · 164 · 0



KUALA LUMPUR – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), pengeluar gula bertapis terbesar negara menyerahkan sumbangan zakat berjumlah RM370,100 kepada asnaf di negeri Perlis.

Dalam majlis anjuran bersama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), penyerahan zakat bernilai RM250,500 telah diagihkan kepada 167 asnaf bersama barangan produk harian keluaran jenama Saji dan Gula Prai.

Program tersebut telah disempumakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis.

Sumbangan berjumlah RM30,000 telah diserahkan kepada Masjid Al-Husna, Batu Bertangkup dan sumbangan bernilai RM10,000 kepada setiap Maahad Tahfiz Al-Barakah, Maahad Tahfiz Al-Barqiy dan Maahad Tahfiz Nurul Saadah bagi tujuan menaiktaraf kemudahan.

Manakala setiap tiga rumah telah menerima sumbangan bernilai RM10,000 untuk tujuan penambahbaikan dan sebanyak 16 unit 'water cooler' telah diserahkan kepada 16 sekolah di sekitar negeri Perlis. – MalaysiaGazette

Artikel Popular



Politik

PHM parti baru ganti PKR

20 Mei 2017

Parti Harapan Malaysia yang mahu bergerak sebagai sebuah parti yang sah akan menentang Gagasan Sejahtera bersama Pas menjelang Raya Umum ke-14



Politik

Pegawai polis ditahan

21 Mei 2017

Serian



Politik

PHM parti baru ganti PKR

20 Mei 2017

Parti Harapan Malaysia yang mahu bergerak sebagai sebuah parti yang sah akan menentang Gagasan Sejahtera bersama Pas menjelang P

<http://malaysiagazette.com/v2/blog/2017/05/07/msm-serah-zakat-rm370100-kepada-perlis/>